

Syarikat mungkin urus tanah FELDA terbiar

UM 24 AUG 2002

Oleh YUSRI SAHAT
dan MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tanah rancangan FELDA yang tidak lagi diusahakan oleh peneroka mungkin disatukan dan diurus oleh sebuah syarikat bagi mengatasi masalah tanah terbiar.

Menurut Perdana Menteri, cadangan itu difikirkan sesuai memandangkan generasi kedua yang terdiri daripada anak-anak peneroka kini menjadi golongan terpelajar dan tidak mungkin mengusahakan tanah berkenaan.

“Jadi mungkin kita akan ada satu syarikat yang akan menguruskan semua dan hasilnya diserahkan kepada pemilik tanah atau peneroka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan dan Simposium Generasi FELDA SeMalaysia di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Gombak, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan peneroka terbabit diberi pegangan saham dalam syarikat pengurusan yang akan ditubuhkan itu.

Dr. Mahathir membayangkan tidak lama lagi semua 304 tanah rancangan FELDA di seluruh negara mungkin terbiar jika lang-

kah segera tidak diambil untuk menguruskannya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, masalah tanah rancangan terbiar timbul ekoran kesan kejayaan FELDA memberi pendapatan mencukupi kepada peneroka sehingga mampu menyekolahkan anak masing-masing ke peringkat tinggi.

“Apabila mereka menjadi golongan terpelajar, mustahil mereka ini hendak jadi penoreh getah dan pengait buah kelapa sawit,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan bangga dengan kejayaan anak-anak peneroka, namun kedudukan tanah-tanah rancangan yang tidak berupaya lagi diusahakan oleh mereka perlu diberi perhatian.

Tegasnya, kerajaan akan mencari jalan mengatasi masalah tersebut kerana tidak mahu tanah yang dibangunkan untuk orang Melayu itu terlepas ke tangan pihak lain yang lebih mampu menguruskannya.

Perdana Menteri menarik perhatian ada kalangan peneroka FELDA yang menjadi jutawan segera dengan menjual tanah tetapi kembali merana selepas wang yang diperoleh habis.

Justeru beliau mengingatkan golongan peneroka supaya menjaga tanah milik mereka kerana ia boleh menjadi harta sehingga ke anak cucu.

“Kita bukanlah begitu tamak membangunkan orang Melayu sahaja.

“Sementara kita memberi tempat kepada mereka di FELDA, kita juga menyediakan tempat kepada orang Cina dan India di kampung-kampung baru yang kini membangun menjadi bandar-bandar besar,” katanya.

Namun Perdana Menteri berkata, keadaan peneroka FELDA yang majoritinya Melayu masih tidak seimbang dengan pencapaian kaum-kaum lain termasuk di kampung baru.

Justeru beliau berharap generasi muda yang akan mewarisi tanah-tanah rancangan ibu bapa masing-masing akan selalu bersyukur dengan nasib lebih baik yang dinikmati mereka.

“Ibu bapa mereka telah menghadapi banyak masalah. Walaupun pelbagai usaha dibuat oleh kerajaan tetapi ibu bapa mereka terpaksa menerima pendapatan yang tidak begitu tinggi berbanding yang dinikmati generasi muda,” katanya.

Bagi kerajaan, menurut beliau, perhatian akan terus diberikan kepada golongan yang tidak mempunyai mata pencarian.

“Jika dulu kerajaan membuka tanah-tanah rancangan FELDA untuk mereka, memandangkan tanah yang semakin terhad, kini kita membuka kilang untuk memberi peluang kerja kepada mereka,” katanya.